

PEKERJAAN UNTUK RAKYAT SINGAPURA



JAWATANKUASA SEMAKAN EKONOMI
LUNGSUR LELAMAN ERC DI:
www.erc.gov.sg
ATAU EMEL ERC DI: mti_erc@mti.gov.sg

PERUBAHAN CUKAI BAGI PEKERJAAN DAN PERTUMBUHAN

Dunia telah berubah. Persaingan sangatlah sengit.

Kita mesti membuat perubahan sekarang bagi menyediakan lebih banyak pekerjaan untuk rakyat Singapura.

Kita perlu memotong cukai pendapatan dan berusaha lebih untuk membantu syarikat-syarikat berkembang.



Jawatankuasa Semakan Ekonomi menyarankan kadar cukai korporat dan cukai pendapatan peribadi dikurangkan kepada 20%.



MENJAGA RAKYAT SINGAPURA

Pemerintah mesti memenuhi keperluan kesihatan, pendidikan dan keperluan lain rakyat kita. Ini memerlukan wang.

Dengan memotong cukai pendapatan, hasil pendapatan pemerintah akan menjadi kurang.

Kita perlu menggantikan sebahagian daripada kekurangan ini dengan menaikkan GST.

ERC menyarankan agar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dinaikkan dari 3% kepada 5% pada 2003.

Pada 5%, kadar GST kita tetap salah satu yang terendah di dunia.



MEMBANTU RAKYAT SINGAPURA

TENANG. JAWATANKUASA SEMAKAN EKONOMI MENYARANKAN SEBUAH PAKET KEWANGAN UNTUK MEMBANTU KITA SEMUA MEMBUAT PENYESUAIAN DENGAN KENAIKAN GST.



DENGAN PAKEJ INI, KELUARGA-KELUARGA SINGAPURA TIDAK AKAN MENGALAMI KESUSAHAN.

